

Bersih 2.0: Kewajipan SPR untuk memastikan pilihan raya aman
Malaysian Insider
15 Februari, 2013
Oleh Boo Su-Lyn

KUALA LUMPUR, 15 Feb — Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kelihatan bersikap mempertahankan diri tentang keputusan Pilihan Raya 2013 apabila memberi amaran keganasan oleh pihak yang kalah, menunjukkan terdapat kemungkinan penipuan dijalankan dalam pilihan raya akan datang, kata Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih 2.0).

SPR dan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan telah memberi amaran tentang kemungkinan keganasan oleh pihak yang kalah pada Pilihan Raya 2013, dimana Musa mengatakan keganasan ala kebangkitan "Arab Spring" seperti di Timur Tengah untuk menjatuhkan kerajaan dipilih.

"Mengapa kamu bersikap mempertahankan diri tentang rakyat tidak boleh menerima keputusan?" kata ahli jawatankuasa pemandu Bersih 2.0 Maria Chin Abdullah kepada *The Malaysian Insider*.

"Sudah tentu rakyat boleh terima keputusan jika kamu telus dan adil tentang keeluruhan proses. Jika tidak, sudah tentu rakyat akan mempersoalkan."

Pengerusi Bersama Bersih 2.0 Datuk Ambiga Sreenevasan menegaskan tugas SPR adalah untuk memastikan pilihan raya aman dan bersih.

"Mereka boleh melakukan ini dengan menjadi jujur, telus dan bebas dan memastikan pilihan raya bersih dan adil," katanya kepada *The Malaysian Insider*.

Bernama melaporkan Isnin lalu Timbalan Pengerusi SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar mengatakan pelbagai situasi luar jangka mungkin berlaku dalam pilihan raya umum ke 13 disebabkan oleh doktrin ketidakpercayaan yang diterap pelbagai pihak terhadap ketelusan pilihan raya dan SPR selaku badan menguruskannya.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak juga dilaporkan oleh Bernama Jumaat lalu mengatakan pembangkang harus menerima keputusan dan tidak melakukan keganasan jika kalah.

Sebelum itu, bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa terdapat konspirasi pembangkang untuk meniru kebangkitan Timur Tengah jika Pakatan Rakyat (PR) gagal menawan Putrajaya.

Maria membangkitkan tentang aduan diterima Bersih 2.0 mengenai pengundi dipindahkan dan mereka yang tidak berdaftar tetapi menjumpai nama mereka dalam daftar pemilih.

"Rakyat tetap tidak yakin dengan SPR," katanya.

Aktivis tersebut menegaskan SPR harus membawa pemantau antarabangsa dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan negara Komanwel untuk memantau pilihan raya umum ke 13.

"Jika pilihan raya kamu bebas dan adil, saya tidak kisah jika 10,000 orang memantau prosesnya kerana ia bersih dan adil. Jika kamu tidak mengawal prosesnya dan kamu bermain dengan prosesnya, sudah tentu kamu akan menerima banyak komen dan sudah tentu orang tidak boleh menerima keputusan," kata Maria.

SPR mengatakan sebelum ini lima badan bukan kerajaan dari Semenanjung Malaysia, tiga dan lapan dari Sabah dan Sarawak telah dilantik menjadi pemerhati dan pemerhati dari negara-negara ASEAN akan dijemput.

PR mengatakan Isnin lalu ramalan Musa tentang "Arab Spring" akan menakut-nakutkan rakyat Malaysia untuk mengundi dengan bebas.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bersih-2.0-kewajipan-spr-untuk-memastikan-pilihan-rama-aman/>